

## TUNTUTAN KESAMAAN GENDER

**Pinda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan golongan wanita untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara.**

- Perlembagaan Persekutuan mendiskriminasi berasaskan gender, walaupun Perkara 8(2) melarangnya.
- Perkara 14 dan Jadual yang berkaitannya menghadkan hak ibu-ibu warganegara Malaysia untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara. Sebaliknya, ibu-ibu warganegara Malaysia mesti menggunakan prosedur di bawah Perkara 15(2) untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan anak-anak mereka melalui pendaftaran, satu

**Apakah kewajipan Malaysia berhubung dengan kesamaan gender?****Kewajipan di bawah Perlembagaan Persekutuan****Melarang diskriminasi gender**

- Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang dipinda pada tahun 2001 untuk memasukkan gender sebagai sebab larangan bagi diskriminasi berhubung dengan: “dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubung dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.”
- Walaupun begitu, masih terdapat peruntukan dalam perlembagaan yang bertentangan dengan semangat Perkara 8(2), termasuk Perkara 14 dan Jadual Kedua (Bahagian II), yang menghadkan hak wanita warganegara Malaysia untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara..

**Kewajipan di bawah Manifesto Pakatan Harapan****Kaji semula semua undang-undang berkaitan kesaksamaan gender**

- Dalam manifestonya pada tahun 2018, kerajaan Pakatan Harapan (PH) memasukkan “Iltizam Khusus untuk Wanita” dengan lima komitmen utama. Sebagai sebahagian daripada Iltizam 4 tentang “Memastikan sistem perundangan melindungi hak dan kehormatan wanita,” kerajaan berjanji untuk “menyemak semula semua undang-undang berkaitan kesaksamaan gender bagi memastikan setiap wanita menikmati kesamarataan undang-undang.”
- Peruntukan yang mendiskriminasi sekitar pemindahan kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan juga membabitkan

beberapa komitmen kerajaan PH yang lain dalam manifesto tersebut, termasuk yang berkaitan dengan memastikan akses wanita kepada penjagaan kesihatan, menggalakkan integriti institusi kekeluargaan, dan melaksanakan dasar-dasar untuk meningkatkan penglibatan tenaga kerja wanita.

**Kewajipan di bawah Konvensyen mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women - CEDAW)****Menangani diskriminasi dan menggalakkan kesaksamaan yang substantif dalam undang-undang dan praktis**

- Pada tahun 1995, Malaysia memperakui CEDAW, yang secara komprehensif menyebut dengan jelas hak-hak wanita menerusi prinsip-prinsip tanpa diskriminasi, kewajipan kerajaan, dan kesaksamaan substantif.
- Perkara 9(2) CEDAW menyatakan bahawa, “Pihak-pihak kerajaan hendaklah memberi wanita hak sama rata dengan lelaki berhubung dengan kewarganegaraan anak-anak mereka.”
- Dalam tinjauannya pada tahun 2018 mengenai Malaysia dan Penyimpulan Pemerhatian (Concluding Observations) yang terhasil daripadanya, Jawatankuasa CEDAW mengulangi kebimbangannya mengenai peruntukan yang mendiskriminasi tentang kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Berhubung dengan pemindahan kewarganegaraan, Jawatankuasa mencadangkan bahawa Malaysia, “...meminda semua peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menafikan wanita hak yang sama berkenaan dengan pemindahan kewarganegaraan mereka kepada anak-anak dan pasangan warga asing mereka.<sup>1</sup>”

<sup>1</sup> CEDAW/C/MYS/CO/3-5, Perenggan 34. 9 Mac 2018.

## Kewajipan di bawah Konvensyen Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child – CRC)

### Mendukung kepentingan terbaik kanak-kanak dalam undang-undang, dasar, dan praktis

- Pada tahun 1995, Malaysia memperakui CRC, yang diiktiraf sebagai pernyataan paling komprehensif mengenai hak kanak-kanak dan perjanjian hak asasi manusia yang paling banyak diratifikasikan di dunia.
- Undang-undang kewarganegaraan yang mendiskriminasi juga memberi kesan yang buruk kepada kanak-kanak, selain kepada ibu mereka.
- Perkara 7 CRC menyatakan bahawa:
  - 1) Kanak-kanak hendaklah didaftarkan serta-merta selepas kelahiran dan mestilah mempunyai hak selepas dilahirkan untuk mempunyai nama, hak untuk mendapatkan kewarganegaraan dan sedapat mungkin, hak untuk mengetahui dan dijagai ibu bapanya.
  - 2) Pihak-pihak Kerajaan hendaklah memastikan implementasi hak-hak ini selaras dengan undang-undang negara mereka dan kewajipan mereka di bawah instrumen antarabangsa yang berkaitan dalam bidang ini, khususnya di mana kanak-kanak tersebut sebaliknya akan tidak mempunyai kerakyatan.
- Peruntukan Perlembagaan Persekutuan sekarang yang mendiskriminasi melewati kanak-kanak daripada mendapatkan kerakyatan—<sup>2</sup> bahkan menyebabkan sebahagian kanak-kanak tidak mempunyai kerakyatan—dan juga mengakibatkan pelanggaran hak kanak-kanak yang lain seperti yang terkandung dalam CRC.

## Kewajipan di bawah Penilaian Berkala Sejagat (Universal Periodic Review - UPR)

### Melaksanakan syor-syor yang dibangkitkan oleh negara-negara lain untuk memperbaiki pelanggaran-pelanggaran hak asasi manusia di Malaysia

- Di bawah proses UPR Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Malaysia menjalani penilaian rakan setara (peer review) setiap lima tahun untuk mengenal pasti pelanggaran-pelanggaran hak asasi manusia dan menerima syor untuk memperbaiki pelanggaran-pelanggaran tersebut.
- Semasa UPRnya yang ketiga pada November 2019, Malaysia menerima beberapa syor berkaitan
- dengan perlindungan hak semua warganegara Malaysia untuk memindahkan kewarganegaraan

mereka kepada anak-anak mereka. Syor-syor yang diterima adalah seperti berikut<sup>2</sup>:

Syor	Negara yang Mengesyorkan
151.150 – Pinda semua peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menafikan wanita hak yang sama berkenaan dengan pemindahan kerakyatan mereka anak-anak mereka	Belgium
151.151 – Ambil langkah-langkah untuk menyelaraskan undang-undang dan dasar-dasar tentang kerakyatan untuk memastikan hak yang sama bagi semua wanita dan lelaki rakyat Malaysia dalam semua keadaan	Haiti
151.152 – Lindungi hak kepada kerakyatan dan mencegah tanpa kerakyatan bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh warganegara Malaysia dengan membuang sekatan-sekatan daripadanya 151.208 – Meneruskan usaha-usahanya bagi kesamaan gender dan membenarkan wanita-wanita warganegara Malaysia untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan yang sama bagi anak-anak dan pasangan mereka	Kenya
151.208 – Meneruskan usaha-usahanya bagi kesamaan gender dan membenarkan wanita-wanita warganegara Malaysia untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan yang sama bagi anak-anak dan pasangan mereka	Iceland
151.262 – Untuk melindungi dengan lebih baik perpaduan keluarga, ambil langkah-langkah untuk mempercepatkan proses permohonan penduduk tetap	Haiti

Kerajaan Malaysia membalas syor-syor UPR mengenai 'pemindahan kerakyatan dan permohonan penduduk tetap' menerusi komen-komen berikut<sup>3</sup>:

- 26. Kerajaan ingin memberi penekanan bahawa pendaftaran bagi kewarganegaraan mestilah dilakukan selaras dengan perkara-perkara berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 27. Kerajaan ingin juga menyerlahkan bahawa tertakluk kepada kelayakan, warga asing boleh memohon pas-pas seperti Pas Residen daripada Jabatan Imigresen yang akan membolehkan mereka untuk tinggal di Malaysia dengan keluarga mereka. Kad Pengenalan Pemastautin Tetap adalah dasar kelayakan bagi seseorang individu untuk memohon kewarganegaraan Malaysia. Oleh itu, setiap permohonan diteliti untuk memastikan keselamatan negara dan melindungi kepentingan semua warganegara.
- 28. Struktur perundangan sedia ada bagi pemberian kewarganegaraan di Malaysia mencukupi dalam menangani isu ini sementara undang-undang mengenai kewarganegaraan di

<sup>2</sup> United Nations General Assembly. (2019). Report of the Working Group on the Universal Periodic Review Malaysia. Boleh didapati di: <https://documents-dds-ny.un.org/doc/UNDOC/GEN/G19/001/96/PDF/G1900196.pdf?OpenElement>

<sup>3</sup> United Nations General Assembly. (2019). Report of the Working Group on the Universal Periodic Review Malaysia. Boleh didapati di: [https://www.ohchr.org/EN/HRBodies/HRC/RegularSessions/Session40/Documents/A\\_HRC\\_40\\_11\\_Add.1\\_Malaysia\\_E.docx](https://www.ohchr.org/EN/HRBodies/HRC/RegularSessions/Session40/Documents/A_HRC_40_11_Add.1_Malaysia_E.docx)

Malaysia adalah berdasarkan peruntukan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Ia tidak diberi secara automatik dan bergantung kepada permohonan-permohonan berasingan. Berhubung dengan isu kesamaan, lelaki dan wanita diberi peluang di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan kewarganegaraan bagi anak-anak mereka. Untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara adalah dilindungi, setiap permohonan disemak dengan teliti terutamanya berhubung dengan kewarganegaraan asing kerana Malaysia tidak mengiktiraf pemilikan dua status kewarganegaraan.

- Dengan menyatakan perundangan sedia ada bagi kerakyatan adalah mencukupi dan memetik peruntukan perlembagaan, kerajaan terus menjustifikasi layanan tidak saksama bagi wanita-wanita warganegara Malaysia dan tidak mempedulikan keperluan bagi pindaan perlembagaan untuk menangani diskriminasi sedia ada.
- Hujah 'pemilikan dua status kewarganegaraan' adalah justifikasi biasa bagi ketidakupayaan wanita untuk mendapatkan taraf kerakyatan bagi anak-anak dan ini disebabkan oleh dasar satu kerakyatan Malaysia. Walau bagaimanapun, ini tidak menghiraukan fakta bahawa anak-anak warganegara lelaki secara automatik diberikan kerakyatan selepas pendaftaran, tidak kira sama ada anak itu juga mempunyai kewarganegaraan secara automatik daripada negara asing ibunya. Oleh itu, ketidaksamaan dalam undang-undang kerakyatan secara tersiratnya menyokong tanggapan bahawa wanita adalah warganegara bertaraf lebih rendah dan kelas kedua sambil menyumbang kepada status ketidaksamaan wanita dalam masyarakat.

#### Kewajipan di bawah Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals - SDGs)

#### Melaksanakan SDG dalam pelan tindakan nasional, belanjawan, dan perundangan

- 17 SDG diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB berusaha untuk menangani cabaran-cabaran utama global menjelang tahun 2030.

- Undang-Undang kerakyatan Malaysia terlibat dalam komitmen kepada SDG 5, 10, dan 16.

#### SDG 5.1: Tamatkan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di mana-mana -

- Kesaksamaan gender tidak boleh dicapai jika undang-undang kerakyatan yang mendiskriminasi gender masih wujud.

#### SDG 10.3: Pastikan peluang sama rata dan kurangkan ketidaksamaan hasil-hasil, termasuk menghapuskan undang-undang, dasar-dasar dan praktik-praktik yang mendiskriminasi dan menggalakkan dasar-dasar dan tindakan-tindakan yang sesuai dalam hal ini -

- Apabila wanita tidak dibenarkan untuk memindahkan kerakyatan mereka kepada anak-anak mereka yang lahir di luar negara, kanak-kanak tersebut menghadapi halangan kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, dan peluang-peluang ekonomi.

#### SDG 16.9: Menjelang tahun 2030, sediakan identiti sah bagi semua, termasuk pendaftaran kelahiran -

- Untuk kesemua kelahiran didaftarkan, wanita-wanita mesti diberikan hak untuk memindahkan kerakyatan mereka, dan sikap-sikap dan amalan-amalan yang menghalang wanita daripada mendaftarkan kelahiran mesti dihapuskan.

#### TINDAKAN SEGERA MESTI DIAMBIL SUPAYA MALAYSIA TIDAK KETINGGALAN.

Ketiadaan kesaksamaan gender dalam undang-undang kewarganegaraan Malaysia mengakibatkan Malaysia menjadi salah satu daripada 25 negara di dunia yang menafikan hak wanita untuk mendapatkan taraf kerakyatan bagi anak-anak mereka sama seperti lelaki.

Email: [foreignspouses@gmail.com](mailto:foreignspouses@gmail.com)

Phone Number: 016- 310 1972

Address: c/o D-3-33, Block D, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

